

09/09/1997

Masalah 140 pelajar Mara ke Kabinet

KUALA LUMPUR, Isnin - Masalah 140 pelajar tajaan Mara yang gagal dihantar melanjutkan pengajian ke United Kingdom minggu depan, dijangka dibincangkan pada mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, dijangka mengemukakan isu itu dalam mesyuarat Kabinet.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata dalam pertemuannya dengan Mustapa ketika Perhimpunan Agung Umno kelmarin, menteri itu membayangkan masalah berkenaan akan dibincangkan dalam mesyuarat mingguan Kabinet.

"Oleh itu, kita percaya keputusan sama ada pelajar berkenaan akan dihantar ke luar negeri atau tidak, diketahui selepas mesyuarat itu," katanya.

Isu pelajar berkenaan turut menarik perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Malah, ketika Perhimpunan Agung Umno beberapa hari lalu, semua pelajar berkenaan turut berhimpun di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) untuk menemui Perdana Menteri dan beberapa menteri lain bagi mengemukakan masalah mereka.

Berita Harian sebelum ini menyiarkan laporan berhubung masalah kewangan yang dihadapi Mara hingga membatalkan penghantaran semua pelajar berkenaan.

Suhaimi berkata, setakat ini ada dua cadangan yang dibuat iaitu menghantar pelajar berkenaan ke universiti luar negara atau menempatkan mereka di universiti tempatan untuk meneruskan pengajian peringkat ijazah.

Mengikut perjanjian, Mara akan menghantar semua pelajar berkenaan ke United Kingdom untuk melanjutkan pengajian peringkat ijazah kelas pertama, tetapi dikatakan menghadapi masalah kewangan untuk berbuat demikian.

Mara dijangka membelanjakan lebih RM5.6 juta iaitu kos pengajian satu semester bagi semua pelajar itu jika belajar di United Kingdom.

Berikutan itu, Mara mencadangkan supaya pelajar terbabit dihantar mengikuti pengajian peringkat diploma lanjutan di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Sehubungan itu, Suhaimi yang juga Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) meminta pelajar berkenaan bersabar dan menunggu keputusan Kabinet.

(END)